



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 17 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MINISTRY IDENTIFYING RECIPIENTS FOR TARGETED SUBSIDIES, NATION, THE STAR -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM JAMIN BEKALAN MAKANANAN ASAS CUKUP SEPANJANG SYAWAL, NASIONAL, SH -9	
3.	KPKM KENAL PASTI GOLONGAN TERBABIT SUBSIDI BERSASAR, NASIONAL, BH -2	
4.	KPKM GIAT KENAL PASTI GOLONGAN TERLIBAT SUBSIDI BERSASAR, ASTRO AWANI -ONLINE	
5.	DURIAN BOAT SASAR EKSPORT MAMPU JANA PENDAPATAN RM9.6b, BISNES, BH -24	
6.	TETAP JALAN SIASATAN, LOKAL, HM -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	NAFI KELUAR ARAHAN RACUN ANJING LIAR, LOKAL, HM -10	
8.	MADA SAMBUT BAIK KAWALAN HARGA JUALAN MAKSIMUM BENIH PADI, NASIONAL, SH -18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	USAS MANFAAT TANAH 8.1 HEKTAR DENGAN PENANAMAN PADI NUKLEAR, LOKAL, HM -10	LAIN-LAIN
10.	8.1 HEKTAR TANAH TERBIAR DIMANFAAT TANAM PADI NUKLEAR, NEGARA, KOSMO -18	
11.	'BAIK TANAM PADI HUMA', SIK, SH -29	
12.	KILANG PADI MELAYU TINGGAL NAMA?, DALAM NEGERI, UM -7	
13.	SAWAH TERBIAR DITANAM PADI 'NUKLEAR', DALAM NEGERI, UM -7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	THE STAR	NATON	9

Ministry identifying recipients for targeted subsidies

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry is actively engaging stakeholders to identify target groups for the implementation of targeted subsidies, says minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the initiative mainly involves industry players from the agriculture, livestock, fisheries and agricultural services sectors under the ministry.

“Thorough research is needed to ensure that subsidies reach deserving recipients,” he said in a Facebook post yesterday, Bernama reported.

In the same post, Mohamad said he attended the Subsidy Control Scheme 2.0 online meeting with the Finance, Transport and Domestic Trade and Cost of Living Ministries at Wisma Tani, Putrajaya.

On Jan 2, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim launched the Central Database Hub (Padu) system to ensure fairer subsidy distribution and prevent leakage.

The introduction of the system was in line with the country’s digital transformation approach, ensuring that government facilities are enjoyed by rightful recipients.

KPKM jamin bekalan makanan asas cukup sepanjang Syawal

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bahawa bekalan makanan asas adalah mencukupi susulan penganjuran rumah terbuka yang menjadi tradisi sepanjang Syawal ini.

KPKM menerusi kenyataan memaklumkan keyakinan itu selari dengan keupayaan pengeluaran domestik komoditi makanan utama negara oleh para petani, pesawah, peladang, penternak dan nelayan sepanjang Ramadan.

Bagi bekalan komoditi makanan yang terhad pengeluaran domestiknya pula, ia ditampung melalui pengimportan bekalan untuk keperluan pengguna di pasaran.

"Rumah terbuka sepanjang Syawal merupakan kelaziman bagi rakyat Malaysia dan tradisi ini bukan sahaja dianjurkan oleh individu serta keluarga, malah turut dianjurkan oleh sektor awam, korporat, perniagaan, komuniti dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Oleh itu, jumlah penggunaan bekalan makanan asas dalam kuantiti yang besar diperlukan sepanjang tempoh tersebut," katanya pada Selasa.

Ujar KPKM, sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap keterjaminan bekalan makanan negara, pihaknya akan terus memberikan perhatian terhadap lapan komoditi makanan utama yang ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) iaitu beras, ayam, telur, daging, sayur-sayuran, buah-buahan, makanan laut dan susu segar.

"Ini bagi memastikan ia mencukupi untuk keperluan pengguna," jelas KPKM.

Menurutnya, kebolehcapaian komoditi makanan utama itu juga akan disokong oleh outlet pemasaran di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), selain pasar raya dan kedai runcit di seluruh negara.



KPKM memberi jaminan bekalan makanan asas mencukupi susulan penganjuran rumah terbuka yang menjadi tradisi sepanjang Syawal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

KPKM kenal pasti golongan terbabit subsidi bersasar

Penelitian pastikan dana kerajaan dibelanja secara efisien

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) giat menjalankan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam usaha mengenal pasti golongan sasaran yang terbabit dalam pelaksanaan penyaluran subsidi bersasar.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia khususnya membabitkan pemain industri daripada sektor tanaman, ternakan, perikanan dan penyediaan perkhidmatan pertanian di bawah kementerian itu.

Beliau berkata, penelitian secara terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan subsidi disalurkan kepada golongan sasaran yang layak, sekali gus memastikan peruntukan kerajaan dapat dibelanjakan secara efisien.

"KPKM sentiasa sokong hasrat kerajaan dalam usaha melaksanakan penyaluran subsidi secara bersasar," katanya dalam perkongsian di Facebook semalam.

Mohamad dalam hantaran sama, berkata beliau juga menghadiri Mesyuarat Skim Kawalan Subsidi (SKD) 2.0 secara dalam talian bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Wisma Tani, Putrajaya semalam.

Pada 2 Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi menjamin penyaluran subsidi serta bantuan lebih adil, selain mengelak ketirisan dalam pemberian bantuan dan subsidi yang selama ini dinikmati golongan tidak selayaknya.

Pengenalan sistem itu selaras pendekatan transformasi digital negara dengan jaminan setiap kemudahan kerajaan akan dinikmati penerima yang berhak.

Seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun, sudah mendaftar dan mengemas kini profil mereka dalam sistem PADU selepas ia ditutup tengah malam 31 Mac lalu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, dilaporkan berkata, jumlah itu



Maklumat dalam PADU digunakan untuk agih subsidi bersasar.

menjadikan 17.65 juta atau 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat termasuk ahli isi rumah bawah 18 tahun, berjaya dikemaskini dalam PADU.

Dibentang bulan ini

Katanya, berdasarkan data itu, Kementerian Ekonomi akan membentangkan perancangan penyasaran semula subsidi kepada Jemaah Menteri bulan ini.

"Sebarang pengumuman berkenaan hal ini akan diumumkan kerajaan pada masa akan datang," katanya.

Rafizi berkata, bagi mereka yang tidak berjaya mendaftar dan mengemas kini profil di PADU sebelum tarikh tutup itu, data

pentadbiran sedia ada mencukupi dan akan digunakan untuk kerajaan menentukan kelayakan individu bagi tujuan penyasaran semula subsidi.

Berdasarkan rekod pendaftaran dan pengemaskinian PADU mengikut negeri, Perlis merekodkan peratusan tertinggi dengan 66.9 peratus diikuti Kelantan (65.2 peratus), Terengganu (62.7 peratus) dan Perak 60.3 peratus.

Negeri mencatatkan peratusan pendaftaran dan kemas kini di bawah 50 peratus adalah Johor dengan 48.4 peratus, Selangor (44.5 peratus) Sarawak (46.7 peratus) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 47.6 peratus.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM giat kenal pasti golongan terlibat subsidi bersasar



Mohamad berkata, kementeriannya giat menjalankan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam usaha mengenal pasti golongan sasaran yang akan terlibat dalam pelaksanaan penyaluran subsidi secara bersasar.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) giat menjalankan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam usaha mengenal pasti golongan sasaran yang akan terlibat

dalam pelaksanaan penyaluran subsidi secara bersasar.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia khususnya melibatkan pemain industri daripada sektor tanaman, ternakan, perikanan dan penyediaan perkhidmatan pertanian di bawah kementerian itu.

Beliau berkata, penelitian secara terperinci perlu dilaksana bagi memastikan subsidi disalurkan kepada golongan sasaran yang selayaknya sekali gus memastikan peruntukan kerajaan dapat dibelanjakan secara efisien.

"KPKM sentiasa menyokong hasrat kerajaan dalam usaha untuk melaksanakan penyaluran subsidi secara bersasar," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Selasa.

Mohamad dalam hantaran sama berkata, beliau juga menghadiri Mesyuarat Skim Kawalan Subsidi (SKD) 2.0 secara dalam talian bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Wisma Tani, Putrajaya pada Selasa.

Pada 2 Jan lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi menjamin penyelarasan subsidi serta bantuan lebih adil selain mengelakkan ketirisan dalam pemberian bantuan dan subsidi yang selama ini dinikmati golongan tidak selayaknya.

Pengenalan sistem itu adalah selaras dengan pendekatan transformasi digital negara dengan jaminan setiap kemudahan kerajaan akan dinikmati penerima yang berhak. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	BERITA HARIAN	BISNES	24



Mohamad (tengah) dan Lye (empat dari kiri) pada majlis pelancaran Durian Boat di Petaling Jaya, kelmarin. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Durian Boat sasar eksport mampu jana pendapatan RM9.6b

Sasaran boleh dicapai hasil kerjasama dengan 33 rakan niaga tempatan, China

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Durian Boat Global Sdn Bhd menasarkankan untuk mengeksport 240,000 tan durian dengan unjuran pendapatan sebanyak RM9.6 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Durian Boat, Jerry Lye, berkata bagi mencapai sasaran itu, syarikat menjalin kerjasama dengan 33 rakan niaga dari Malaysia dan China merangkumi peserta perladangan, logistik dan pemasaran.

Beliau berkata, melalui ker-

jasama itu, Durian Boat dapat memastikan sebanyak 350,000 tan durian dapat diperoleh setiap tahun membabitkan 70,000 ekar ladang.

Katanya, pihaknya juga turut melaksanakan pelaburan dalam menyediakan kemudahan pemrosesan durian di Raub, Pahang menggunakan teknologi hidrogen bagi memastikan setiap buah mampu bertahan sehingga 18 bulan.

“Melalui kerjasama itu, kami akan memperoleh 350,000 tan durian daripada rakan niaga dan akan memasarkannya menerusi aplikasi Durian Boat serta membuka lebih 2,000 cawangan kedai durian di China.

“Eksport durian dari Malaysia adalah ke pasaran Singapura dan China sebelum dikembangkan ke pasaran lain secara berperingkat.

“Malah, harga jualan durian juga adalah lebih murah daripada pasaran lain,” katanya selepas majlis pelancaran aplikasi Duri-

an Boat di Petaling Jaya, kelmarin oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Pengerusi Durian Boat, Datuk Lye Wee Ken.

Tarikan pelancongan baharu

Lye berkata, Durian Boat turut merancang untuk menjadikan durian antara tarikan pelancongan yang baharu di Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia akan dipromosikan sebagai destinasi pelancongan agro selain akan menubuhkan lebih banyak Bandar Durian di negara ini.

Katanya, 2,000 cawangan kedai durian di China juga akan direka bentuk dengan elemen kebudayaan Malaysia yang ikonik.

“Pusat pengalaman Durian Boat di China akan mempromosikan budaya Malaysia dan disasarkan membawa masuk tiga juta pelancong dari negara itu ke Malaysia,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	10

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) menyiasat dakwaan penemuan 35 anjing bersama bangkai haiwan di sebuah rumah di Port Dickson, dekat sini, Ahad lalu.

Pengarahnya, Dr Kamarulrizal Mat Isa, berkata walaupun sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sudah membantu dan mengambil tindakan menyelamatkan anjing terabit, namun pihaknya akan tetap menjalankan siasatan lanjut.

"Walaupun kes ini dianggap selesai selepas NGO terabit bertindak menyelamatkan kumpulan anjing berkenaan, namun kami akan mendapat maklumat dan menjalankan siasatan terhadap kejadian berkenaan.

"Kita akan berusaha memberikan khidmat nasihat dari segi undang-undang dan tindakan sewajarnya kepada pemilik haiwan berkenaan, jika dia ingin meneruskan usaha memelihara anjing.

PENEMUAN 35 ANJING BERSAMA BANGKAI DI PORT DICKSON

Tetap jalan siasatan



SELAIN 35 ekor anjing yang dijumpai di lokasi, mereka turut menemui bangkai beberapa ekor anjing dan kucing di dalam unit berkunci sebuah rumah di Port Dickson.

"Kami akan cuba menemui pemilik haiwan berkenaan hari ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan sebuah pertubuhan penyelamat haiwan menemui 35 anjing bersama beberapa bangkai haiwan di sebuah rumah di Port Dickson.

Pada 14 April lalu, tular klip video berdurasi 18 minit memaparkan Ketua FuryKids Safehaven, Jeskiran Kaur Bhatt dan pasukannya menyelamatkan haiwan dari kediaman berkenaan.

Jeskiran dilaporkan berkata, pihaknya terpaksa memotong kunci untuk masuk ke banglo satu ting-

kat itu ketika mahu menyelamatkan haiwan terabit.

Mengulas lanjut, Kamarulrizal berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak berhubung kes terabit.

"Saya telah menyemak dengan pasukan saya di Port Dickson dan mereka tidak mengetahui kes itu kerana tiada aduan dibuat.

"Namun begitu, pegawai saya akan melawat rumah pemilik haiwan berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut dan memberikan khidmat nasihat sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, tindakan boleh diambil terhadap pemilik haiwan terabit di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 jika terdapat bukti menunjukkan pengabaian atau kekejaman dilakukan terhadap haiwan berkenaan.

"Bagaimanapun, setakat ini kes terabit dianggap selesai selepas usaha menyelamatkan haiwan berkenaan dilakukan oleh NGO terabit," katanya.

Kuala Terengganu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedang menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian puluhan anjing liar di beberapa lokasi sekitar bandar raya ini.

Pengarah JPV negeri, Dr Anun Man berkata, siasatan akan dilakukan secara menyeluruh termasuk mengesan pelaku terabit.

"Setakat ni masih terlalu awal untuk kita kaitkan kes kematian anjing liar disebabkan terkaman racun.

"Pegawai JPV bersama dengan ahli Persatuan Penyelamat Haiwan Terbit Terengganu (PPHTT) sudah ke lokasi bangkai anjing ditemui terutama di Kampung Tiong dan Pulau Warisan," katanya ketika dihubungi, semalam.

PPHTT melalui Facebook mendakwa operasi penghapusan anjing liar di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu dengan memberi makanan beracun, kemungkinan dicampur dengan racun perosak dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri Dr Azman Ibrahim tampil menafikan dakwaan kerajaan negeri mengarahkan anjing liar diracun walaupun haiwan itu me-

KEMATIAN PULUHAN ANJING LIAR DI KUALA TERENGGANU

Nafi keluar arahan racun anjing liar

ngancam keselamatan manusia dan ternakan.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jabi dilaporkan berkata, kerajaan berusaha menggunakan kaedah tertentu bagi mengawal populasi anjing liar daripada menjadi tidak terkawal.

Katanya, tindakan meracun anjing liar adalah salah walaupun haiwan itu mengancam keselamatan orang awam dan ternakan.

"Orang ramai yang mempunyai bukti anjing liar mati diracun individu diminta menyalurkan maklumat kepada JPV," katanya.

Ketika mengulas dakwaan ada pelaku yang meracun anjing liar, Dr Anun berkata, siasatan dibuat termasuk melakukan pengesanan melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Katanya, tindakan boleh diambil mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Orang ramai yang mempunyai bukti anjing liar mati diracun individu diminta menyalurkan maklumat kepada JPV," katanya.



BANGKAI anjing liar disyaki mati disebabkan diracun terabit di beberapa kawasan sekitar bandar raya Kuala Terengganu.

USAS manfaat tanah 8.1 hektar dengan penanaman padi nuklear

Ipoh: Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) akan memulakan penanaman padi NMR-152 atau padi nuklear di Mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar membabitkan keluasan 8.1 hektar dalam usaha memanfaatkan keluasan tanah terbiar di Perak bagi pembangunan sekuriti makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata fasa awal projek rintis Pembangunan Tanah Sawah Terbitar itu merangkumi penanaman seluas satu hektar di tanah terbitar membabitkan lima penduduk Kampung Kandang Hulu, Kota Lama Kanan sebelum disasar untuk diperluaskan lagi kepada keseluruhan 40.5 hektar.

Katanya, selain penanaman secara berskala besar, penanaman berskala kecil menerusi program 'Lamanku, Berasku' turut disasarkan iaitu menerusi pembekalan set lengkap penanaman padi untuk diusahakan secara penanaman polibeg di kawasan rumah masing-masing membabitkan sebanyak 20 rumah penduduk kampung itu.



MOHD Zolkafly (dua kiri) menunjukkan kawasan penanaman padi NMR-152 menerusi projek rintis Pembangunan Tanah Sawah Terbitar di Mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar.

Menurutnya, bagi penanaman berskala besar ia membabitkan tiga fasa termasuk fasa kedua di mana ia membabitkan empat plot ujian penanaman seluas 0.2 hektar bagi setiap plot dengan penyer-taan lima orang komuniti setempat selain fasa ketiga yang membabitkan penanaman pada keluasan 8.1 hektar.

Mohd Zolkafly yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lintang berkata, projek rintis yang dijangka memaparkan hasil enam bulan dari sekarang itu juga turut dipersetujui dibuat di kaw-

san perkampungan Orang Asli dalam kawasan Dun Lintang memandangkan penanaman padi varieti berkenaan yang disifatkan tidak teralau teknikal.

"Padi jenis NMR-152 ini tidak teknikal sangat memandangkan ia tahan cuaca ekstrim dan serangan penyakit, selain hanya memerlukan bekalan air yang minimum bagi penghasilan padi yang optimum. Malah padi boleh dituai dalam masa 110 hari yang justeru dapat mencapai sasaran penanaman padi tiga kali setahun atau lima kali dua tahun," katanya.

Mada sambut baik kawalan harga jualan maksimum benih padi

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) menyambut baik pemakluman Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berdasarkan keputusan pihak kerajaan bagi kawalan penetapan harga kawalan maksimum jualan benih padi di peringkat pemborong dan peruncit.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, kawalan harga jualan maksimum benih padi itu adalah untuk dijual kepada pesawah bagi Program Insentif Benih Padi Sah (BPS).

Menurutnya, berdasarkan kuasa yang diberikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di bawah Seksyen 5, Akta Kawalan Padi dan Beras 1944 [Akta 522], penetapan harga benih padi sah dikawal melalui 13 pemborong yang diberikan Surat Kebenaran Ketua Pengarah Kepada Pemborong Benih Padi Sah.

"Harga kawalan maksimum jualan benih padi sah bagi setiap kimpit 20 kilogram (kg) di pintu kilang adalah ditetapkan pada kadar RM54 kepada peruncit, manakala melalui peruncit pula harga kawalan maksimum jualan benih padi sah bagi setiap kimpit 20kg kepada pesawah adalah ditetapkan pada kadar RM58.

"Melalui ketetapan Seksyen 5, Akta Kawalan Padi dan Beras 1944 [Akta 522], maklumat berkaitan harga hendaklah turut dipaparkan dengan jelas pada setiap kimpit benih padi sah yang dipasarkan kepada pesawah," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Jelas Ismail, penjualan benih padi dan racun bagi varieti padi CL220 hendaklah selaras dengan pembentangan

dijual secara berasingan di mana harga benih padi sah bagi varieti CL220 adalah pada harga maksimum iaitu RM54 di peringkat pemborong dan RM58 di peringkat peruncit.

Menurutnya, selain itu, had pembelian dan simpanan benih padi di peringkat peruncit tidak melebihi 500 kimpit per 20kg pada satu-satu masa.

"Jika terdapat keperluan untuk membeli dan menyimpan melebihi dari jumlah tersebut; kelulusan daripada pejabat Kawalselia Padi dan Beras negeri perlu diperolehi terlebih dahulu.

"Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Bilangan 2/2024 bertarikh 15 April ini dikeluarkan selaras dengan pembentangan



ISMAIL

Belantawan 2024 oleh Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023.

"Kerajaan memutuskan untuk meningkatkan harga iaitu belian padi dari pada RM1,200 per tan metrik kepada RM1,300 per tan metrik serta susulan dari kenaikan harga semasa belian padi kepada RM1,800 per tan metrik yang memberi kesan secara langsung kepada kenaikan harga bagi padi yang ditanam untuk dijadikan benih padi sah," katanya.

Tambahnya, sebagai sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mada serta seluruh peladang-peladang di kawasan Muda menyambut baik keputusan dan arahan Perintah Tetap yang telah diwartakan oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras dalam memastikan harga bekalan benih padi sah sentiasa terkawal dan mencukupi di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	KOSMO	NEGARA	18

8.1 hektar tanah terbiar dimanfaatkan tanam padi nuklear

IPOH – Tanah sawah terbiar seluas 8.1 hektar di Kampung Kandang Hulu, mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar dekat sini akan usahakan semula bagi penanaman padi NMR152 atau padi nuklear oleh Agensi Nuklear Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, kajian projek itu dibuat oleh Stesen Penyelidikan Padi dan Beras Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan akan dilaksanakan melalui beberapa fasa.

Katanya, benih padi NMR152 menjadi pilihan kerana padinya berproduktiviti tinggi selain tahan serangan penyakit, cuaca ekstrem, kemarau dan banjir.

“Benih padi ini mengambil masa tiga bulan atau 110 hari untuk dituai. Jadi, kita boleh tuai tiga musim setahun atau lima musim dalam dua tahun.

“Benih itu mampu menghasilkan pengeluaran padi lapan hingga 10 tan metrik bagi keluasan satu hektar berbanding tiga hingga lima tan metrik perhektar bagi sekali tuaian,” katanya selepas mendengar taklimat wakil USAS di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri



MOHD. ZOLKAFLY (kiri) melihat kertas cadangan pembangunan tanah sawah terbiar di Kuala Kangsar ketika sesi taklimat di Ipoh semalam.

di sini semalam.

Menurut beliau, selain penanaman secara berskala besar di kawasan sawah terbiar, penanaman berskala kecil turut dijalankan menerusi program Lamanku, Berasku.

Menerusi program itu, peserta dibekalkan set lengkap untuk diusahakan secara penanaman polibeg di halaman rumah masing-masing.

Ia merupakan projek rintis yang akan membantu kerajaan

negeri dalam memperkasakan sekuriti makanan di Perak dengan agenda Pelan Perak Sejahtera 2030.

Tambahnya, projek itu juga akan diperluaskan di kawasan lain antaranya perkampungan Orang Asli di Dewan Undangan Negeri Lintang.

“Usaha ini dilihat dapat menggalakkan penggunaan tanah terbiar di Perak yang berjumlah 11,013 hektar membabitkan 4,004 lot tanah,” katanya.

17/4/2024

SINAR HARIAN

SIK

29

Menteri Besar Kedah saran tanam padi huma berbanding ubi kayu

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA SIK

Menteri Besar Kedah menyarankan penanam padi huma berbanding ubi kayu sebagai alternatif menambah bekalan beras putih tempatan (BPT) sedia ada berbanding ubi kayu.

Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, nasi dihasilkan daripada beras sama ada padi biasa atau huma, lebih mengenyangkan berbanding memakan ubi kayu seperti yang dicadangkan sebelum ini.

"Daripada tanam ubi kayu, baik tanam padi huma, ubi kayu ni kembung, perut angin...padi huma sedap, kejam perut," katanya ketika merasmikan benih padi huma di Kampung Radik di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai

Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Datuk Zakaria Othman dan Mufti Negeri Kedah, Datuk Fadzil Awang.

Sebelum ini, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul Mucadangkan, rakyat perlu melakukan perubahan dengan tidak hanya bergantung kepada nasi sebagai sumber utama karbohidrat.

Johari berkata, sumber karbohidrat seperti ubi kayu boleh dijadikan alternatif sementara menunggu isu bekalan BPT diselesaikan di negara ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri sedang berusaha menjadikan Daerah Sik sebagai hab padi huma sebagai alternatif tanah sawah sedia ada.

"Selain usahakan tanah-tanah sawah terbiar bagi memperkasakan lagi usaha ke-terjaminan makanan rakyat di



Muhammad Sanusi (kiri) dan Zakaria melawat kawasan Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA) LZNK Daerah Sik di Chepir.

negeri Kedah, LZNK juga kini sedang merancang untuk meneroka satu lagi alternatif lain dalam penanaman padi di negeri Kedah iaitu padi huma atau dikenali sebagai padi bukit.

"Kita usahakan selain pada

liputi enam jenis benih yang ditanam sebagai percubaan bermula Disember lalu antaranya Tangkai Langsat, Jarum Galah, Tok Ya, Bario, Padi Perang dan Padi Hitam.

Katanya, permintaan terhadap padi huma tinggi dan luar biasa kerana rasanya enak dan berbau wangi.

"Mahal pun orang beli. Saya diberitahu pasaran di Kuala Lumpur RM50 sekilogram orang beli juga," katanya.

Sementara itu, Zakaria berkata, LZNK akan membeli semula semua hasil padi peserta yang terdiri daripada asnaf, dengan sebahagian akan disimpan untuk keperluan makanan keluarga masing-masing, secukupnya untuk tempoh enam bulan sehingga setahun.

"Peserta boleh proses padi masing-masing menjadi beras secara sendiri melalui mesin disediakan oleh LZNK secara percuma dalam kawasan Masjid As-Salam," katanya.

Jelas beliau, tanaman padi huma yang diperkenalkan me-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Kilang padi Melayu tinggal nama?

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Kilang-kilang padi Melayu mungkin hanya tinggal nama dan semakin sukar untuk bertahan berikutan terpaksa menanggung kerugian besar ekoran permainan harga belian padi melibatkan kilang-kilang besar.

Kilang-kilang besar yang juga mempunyai syarikat pemborong beras sendiri lazimnya bersaing sesama sendiri dengan membeli padi dengan harga tinggi antara RM1,800 hingga RM2,100 bagi satu tan metrik.

Mereka berani membeli dengan harga tinggi apabila didakwa memanipulasi dengan mencampur beras tempatan dan import seterusnya menjual dengan harga beras import memandangkan jika menjual pada harga beras tempatan pada kadar RM26 bagi kampak 10 kilogram, ia hanya akan menyebabkan kerugian.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, apabila berlaku situasi tersebut, kilang-kilang Melayu lain yang lebih kecil terpaksa mengikut rentak tersebut.

Katanya, kos bagi mengeluarkan beras apabila harga padi melangkaui RM1,800 satu tan metrik itu adalah RM3,000 satu



MARZUKHI Othman meninjau kilangnya dengan padi yang masih tersadai belum diproses di kilang Dibuk Sdn. Bhd. Kangar, Perlis kelmarin. - **UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN**

tan metrik atau RM30 sekampit bagi berat 10 kilogram.

Lebih menyakitkan, katanya, apabila kilang-kilang padi diarahkan membekalkan beras pada harga RM2,550 per tan kepada empat syarikat yang dilantik Kawal Selia Padi dan Beras, sekali gus ia bakal menyebabkan mereka dianggarkan mengalami kerugian hingga RM8 juta di atas kiraan stok padi di dalam simpanan.

Ujarnya, pengilang yang mempunyai pemborong beras sendiri biasanya menggunakan kelebihan daripada kelemahan

peraturan harga kawalan yang tidak mengawal harga beras import sebaliknya terpakai kepada beras tempatan sahaja iaitu RM26.

"Pengilang yang ada pemborong ini mengambil peluang berkenaan untuk mengaut keuntungan yang lumayan dan mereka gunakan keuntungan tersebut untuk menawarkan harga padi yang tinggi kepada broker dan pelesen.

"Pelesen dan broker inilah yang memindahkan padi dari kawasan yang sepatutnya dijual di kilang berhampiran ke kilang-

kilang besar yang menaja mereka dengan komisen yang tinggi.

"Situasi tersebutlah yang menjadi penyebab utama pengilang yang tiada pemborong sendiri atau yang tidak mahu melakukan penipuan kepada pengguna tertekan dengan harga padi yang tinggi dan mengalami kerugian.

"Kilang padi Melayu mungkin tinggal nama selepas ini dan mungkin akan diingat sebagai lipatan sejarah sahaja. Kami dah tak tahan tanggung kerugian sejak lima tahun lalu dengan bank pun dah mula nak ambil tinda-

kan. Mungkin perniagaan yang diasaskan oleh ayah saya sejak 1957 ini juga akan berkubur atau bertukar tangan?" katanya.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan pembelian padi yang tiada had menyebabkan hanya 11 kilang padi Melayu masih bertahan daripada 220 kilang padi berdaftar di bawah Lembaga Padi Dan Beras Negara (LPN).

Kebanyakan pengilang padi Melayu 'lingkup' kerana mereka tidak mampu bersaing dengan pengilang besar yang mampu membeli padi dengan harga lebih mahal dan dalam jumlah banyak sehingga 120,000 tan metrik sekali gus.

Keadaan itu seterusnya menyebabkan pengilang yang memonopoli pembelian padi menjadi penentu sama ada mahu mengeluarkan stok beras atau disimpan.

Sementara itu, Marzukhi berkata, pihak pengilang meminta agar Kawal Selia Padi dan Beras menghentikan amalan pengeluaran permit pemindahan padi antara negeri.

"Selain itu mengehadkan kuota belian padi kepada pengilang mengikut kategori kilang, selain mengadakan gred tunggal untuk beras tempatan dan import dengan cadangan harga dikawal pada RM36 sekampit," katanya.

Sawah terbiar ditanam padi 'nuklear'

IPOH: Seluas 8.1 hektar tanah sawah terbiar di Kampung Kandang Hulu, Mukim Kota Lama Kanan di Kuala Kangsar akan usahakan semula bagi tanaman padi 'nuklear'.

Projek rintis oleh Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) itu membabitkan benih padi NMR152 atau lebih dikenali sebagai padi nuklear oleh Agensi Nuklear Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, kajian projek tersebut dilaksanakan oleh Stesen Penyelidikan Padi dan Beras USAS dan akan dijalankan melalui beberapa fasa.

Katanya, benih padi NMR152 yang digunakan itu menjadi pilihan kerana padinya berproduktiviti tinggi selain tahan serangan penyakit, cuaca ekstrem, kemarau dan banjir," katanya semalam.